

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI ISNIN, 26 MEI 2025, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 1 (A155)**

Kesesakan lalu lintas yang sangat kritikal di jalan Kangkar Pulai -Skudai (FT005) dan Ulu Choh - Gelang Patah (J007). Projek perumahan berjalan dengan pesat. Laluan jalan JKR masih standard sama. Apakah tindakan penambah baikan sistem lalu lintas laluan dimaksudkan?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 2 (A161)**

Berapakah jumlah anak-anak mahasiswa Johor yang menghidap HIV akibat kesan pergaularan bebas dan silang hubungan antara mereka. Justeru apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan dalam memastikan perkara ini dapat dibendung?

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 3 (A36)**

DUN BEKOK semasa PRN Johor yang lalu telah menggariskan beberapa Manifesto, hanya satu Manifesto berkaitan Rumah Mampu Milik di DUN Bekok belum terlaksana. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina kawasan Rumah Mampu Milik PKPJ di kawasan Desa Temu Jodoh Chaah?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 4 (A97)**

Apakah status permohonan atau perancangan pembinaan rumah mampu milik di kawasan Bukit Naning untuk golongan B40 dan M40?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 5 (A130)**

Setakat ini tiada rumah kebajikan warga emas yang diurus-selia kerajaan negeri di daerah Muar. Apakah tindakan kerajaan bagi mewujudkan rumah kebajikan warga emas (Rumah Sejahtera) dan juga pusat transit bagi gelandangan dan warga emas di daerah Muar?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 6 (A73)**

Bagaimanakah tahap kesiapsiagaan Kerajaan Negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Islam Negeri Johor berkaitan pengajaran abad ke 21 (PAK21) seiring dengan era digital masa kini?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 7 (A12)**

Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi melahirkan lebih banyak pakar AI untuk memenuhi keperluan negara dalam era digital terutamanya kerajaan Malaysia dan Singapura telah pun memeteraikan Perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ)?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 8 (A41)**

Untuk mengelakkan berlaku kemalangan jalan raya yang terlalu kerap, bolehkah pihak kerajaan menaikkan peruntukan tambahan lampu jalan dan diperbanyak lagi di kawasan-kawasan kemalangan yang gelap dan berisiko?

**YB TUAN HAJI HAHSRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 9 (A103)**

Mohon nyatakan usaha kerajaan pusat dan negeri untuk mengatasi isu diskriminasi dalam permohonan pekerjaan sama ada dalam sektor awam atau swasta?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 10 (A57)**

Apakah program-program yang telah dijalankan dalam program Periuk Nasi Selatan di Johor termasuk jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Apakah impak terhadap hasil dan pendapatan secara perbandingan sebelum, semasa dan selepas perlaksanaan program kepada pesawah?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 11 (A150)**

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan fasiliti kesihatan di DUN Tangkak mempunyai kelengkapan dan kakitangan mencukupi untuk menampung keperluan penduduk?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 12 (A52)**

Kebakaran di Kluang Baru telah menyebabkan kerugian kira-kira RM 5 Juta. Pili Bomba dikatakan tidak berfungsi dengan baik kerana tekanan air yang rendah. Adakah terdapat rancangan untuk menggantikan paip lama di Kluang?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 13 (A153)**

Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan/Jabatan Pelajaran Negeri Johor untuk pembelian lencana Jalur Gemilang kepada pelajar dalam negeri Johor pada tahun ini?

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 14 (A122)**

Berapakah jumlah pelaburan luar mahupun manfaat ekonomi yang diterima daerah segamat selepas dimasukkan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region) atau ECER pada 2018?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 15 (A182)**

Nyatakan bilangan golongan autisme yang berdaftar dengan JKM serta usaha kerajaan negeri dalam membantu golongan ASD.

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 16 (A6)**

Mohon penjelasan Kerajaan Negeri mengenai status terkini pembinaan jambatan dan bangunan di Taman Negara Pulau Kukup dan Tanjung Piai.

Bilakah tarikh jangkaan projek ini akan siap memandangkan Tahun Melawat Johor 2026 hanya tinggal beberapa bulan lagi?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 17 (A20)

Dari tahun 2020 sehingga kini, berapa banyak kes melibatkan gangguan seksual guru terhadap pelajar di catatkan di Johor?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 18 (A9)

Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi menaik taraf atau membina jalan-jalan kebun dalam tahun 2024?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 19 (A45)

Apakah terdapat perancangan bagi membina fasiliti kesihatan awam di Taman Sri Saujana memandangkan kawasan ini mempunyai lebih 8,000 penduduk dan berkejauhan 11km daripada bandar Kota Tinggi dan 10km daripada bandar Tiram?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 20 (A194)

Berapakah bilangan pelatih TVET Johor yang telah berjaya ditempatkan kerja pada tahun 2024 dan apakah dasar kerajaan negeri dalam memastikan mereka mendapat tawaran gaji premium yang setimpal dengan kemahiran, khususnya daripada syarikat multinasional yang beroperasi di Iskandar Malaysia dan Kulai?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 21 (A56)

Konflik NAFAS sehingga digantung perlembagaannya mencetuskan keimbangan ramai. Apakah usaha kerajaan negeri bagi meminimumkan impak dan tidak membebankan para peladang dan petani kecil Johor?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 22 (A28)

Sejauh manakah Kerajaan Negeri Johor bersedia memanfaatkan perjanjian pengecualian Visa antara Malaysia dan China yang ditandatangani baru-baru ini, khususnya dalam aspek pelancongan, perdagangan dan pelaburan?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 23 (A92)**

Minta dinyatakan inisiatif yang telah dan akan diambil kerajaan negeri untuk menggunakan kecerdasan buatan (AI) dalam pentadbiran negeri Johor khususnya untuk memperkasa Johor Talent Development Council (JTDC).

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 24 (A171)**

Johor dilanda banjir pada 20 Mac lalu selepas hujan berterusan sejak 19 Mac lalu dan antara punca utama adalah disebabkan taburan hujan yang luar biasa. Apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil untuk menangani isu perubahan iklim?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 25 (A148)**

Dengan pengeluaran ribuan kompaun oleh Jabatan Kesihatan sepanjang tahun ini, apakah strategi jangka panjang kerajaan negeri dalam pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi, khususnya di kawasan berisiko tinggi?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 26 (A117)**

Kos untuk memasang "fistula" atau tapak untuk dialisis semakin meningkat dari tahun ke tahun. Adakah kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mengawal kenaikan harga ini?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 27 (A74)**

Bagaimakah cara kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan mengoptimumkan Pusat Mental dan Psikiatri seperti Pusat Kesihatan Mental Masyarakat Batu Pahat (MENTARI) dalam menangani kesihatan mental?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 28 (A72)**

Mohon dinyatakan perancangan Kerajaan Negeri Johor bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan kesihatan di hospital, klinik kesihatan atau klinik desa terutama di Daerah Batu Pahat dan DUN Parit Yaani.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 29 (A48)**

Apakah status Pelan Tindakan Khas di Kampung Gunung Lambak?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 30 (A55)

Perang dagang antara Amerika dan China mungkin akan menjelaskan beberapa Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) dalam sektor tertentu. Apakah persediaan kerajaan Johor mendepani isu ini dan apakah ada inisiatif-inisiatif tertentu bagi membantu PMKS ini?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 31 (A110)

Di daerah Mersing, adakah terdapat aktiviti pencerobohan tanah kerajaan bagi aktiviti penanaman durian atau pertanian lain? Jika ada, berapa banyak tanah yang telah di ceroboh dan apakah tindakan daripada pihak kerajaan?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 32 (A111)

Adakah kerajaan bersedia untuk mengangkat cadangan supaya hukuman mandatori dikenakan kepada pesalah langgar maut yang melibatkan pemabuk dan penyalahgunaan dadah?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 33 (A132)

Nyatakan status terkini proses Serah Balik dan Kurnia Semula (SBKS) projek Riveria CondoVilla yang terletak di atas tanah berstatus PN64252 PTD158952 di Mukim Pulai, dan bilakah dijangka proses ini dapat diselesaikan sepenuhnya bagi membolehkan hak milik individu diberikan kepada pembeli?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 34 (A136)

Nyatakan jumlah peruntukan kepada mangsa banjir yang telah dipindahkan ke PPS semasa banjir Mac lalu, dan apakah status rayuan mangsa yang belum menerima Bantuan Khas Kewangan Bencana Banjir Monsun Timur Laut (MTL)?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 35 (A147)

Daripada 29 dasar dan inisiatif yang dirancang di bawah Belanjawan Negeri Johor 2025, berapa banyak yang telah dilaksanakan setakat ini, dan apakah cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaannya?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 36 (A173)

Berapakah permohonan visa Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) telah diluluskan di bawah kategori Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Zon Kewangan Khas (SFZ)? Berapakah pelaburan diterima melalui ini?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 37 (A190)

Bolehkah kerajaan negeri memberikan statistik terkini berkaitan jenayah yang melibatkan warga asing tanpa dokumen sah di Johor, dan apakah langkah jangka panjang bagi menangani ancaman keselamatan serta menjaga ketenteraman awam di kawasan perumahan dan perniagaan?

4. **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR.**

----- (Penggulungan YAB Menteri Besar Johor) -----

5. **RUNDINGAN -**

- 5.1 Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2025.

Persidangan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.